

Pak Lah syor rumah kos rendah guna IBS

PASIR GUDANG: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyarankan projek perumahan rakyat (PPR) kos rendah dan sederhana menggunakan Sistem Binaan Industri (IBS) untuk memastikan kelancaran projek dan mutu kerja rumah yang dihasilkan.

Perdana Menteri berkata, menerusi kaedah IBS, pengeluaran bahagian rumah dilakukan di kilang pada harga lebih murah, kualitinya terjamin serta mudah diperoleh.

"Bila kita guna kaedah ini, barangnya murah tetapi rakyat masih dapat duduk dengan selesa dan binaannya kukuh. Pembeli rumah juga tidak berdepan masalah kelewatan rumah kerana pembinaannya lebih mudah dipantau," katanya pada majlis penyerahan kunci projek per-

mahan terbengkalai Taman Desa Rakyat Perdana, Masai, di sini, petang semalam.

Hadir sama Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman; Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting; Ahli Parlimen Pasir Gudang yang juga Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri Khaled Nordin; Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein dan Pengerusi Syarikat Perumahan.Negara Berhad (SPNB), Datuk Azian Osman.

SPNB membaik pulih PPR Taman Desa Rakyat Perdana membabitkan 1,030 unit rumah tiga bilik berharga RM25.000 seunit yang terbengkalai sejak 2001.

Ketika SPNB mengambil alih pembinaan di kawasan seluas 11.6 hektar

itu pada Februari 2004, projek berkenaan sudah 80 peratus siap.

Perdana Menteri menegaskan kerajaan sentiasa mencari kaedah terbaik memastikan pelaksanaan PPR dilaksanakan secepat mungkin dan rakyat mampu memiliki rumah mampu milik yang selesa.

"Saya minta pihak kementerian (Perumahan dan Kerajaan Tempatan) dan SPNB bersungguh-sungguh menjayakan pembinaan PPR katanya.

Pada majlis perasmian Pelabuhan Tanjung Langsat, Perdana Menteri berkata, Johor bertuah kerana mempunyai pelabuhan ketiga yang bakal menjadi hab pembangunan biofuel.

Katanya, industri biofuel adalah kejayaan penyelidikan industri hiliran kelapa sawit dan bakal mem-

beri satu lagi kekuatan kepada Malaysia.

"Saya berharap usaha membangunkan industri biofuel dipertingkatkan supaya kita tidak ketinggalan berbanding negara lain," katanya.

Ketika merasmikan Loji Integrasi Biodiesel Sawit pertama di dunia milik Carotino Sdn Bhd di Pasir Gudang, Abdullah berkata, pengeluaran lesen bagi penghasilan biodiesel akan diperketatkan bagi memastikan tidak berlaku penggunaan berlebihan kelapa sawit untuk sektor berkenaan.

Katanya, kerajaan sudah meluluskan 52 lesen penghasilan biodiesel yang mempunyai kapasiti memproses lebih lima juta tan kelapa sawit setahun dan kajian terperinci perlu dilakukan sebelum lebih banyak lesen dikeluarkan.